

**PM Anwar akan bertemu semua pegawai daerah bincang isu kemiskinan**

Bernama  
Jun 14, 2023 16:47 MYT

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka mengadakan pertemuan dengan semua pegawai daerah di seluruh negara pada minggu hadapan yang antara lain bagi membincangkan tentang usaha menotahkan masalah kemiskinan tegar di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Seri Ahmad Maslan berkata ia merupakan usaha kerajaan bagi menangani isu kemiskinan di negara ini khususnya di luar bandar.

"Antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan itu nanti adalah menotahkan kemiskinan tegar ini, ia akan dibincangkan dan bagaimana peringkat daerah boleh melaksanakannya," kata beliaunya semasa sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (PN-Pasir Puteh) yang bertanyakan tentang program baharu yang diperkenalkan kerajaan dalam usaha menotahkan masalah kemiskinan tegar.

Ahmad memaklumkan pada masa yang sama kerajaan telah meluluskan RM750 juta dalam Belanjawan 2023 untuk menotahkan kemiskinan tegar tahun ini dengan peruntukan disalurkan kepada Kementerian Ekonomi bagi melaksanakan tiga program baharu termasuk pemberian pekerjaan kepada golongan tertentu.

Beliau berkata selain itu kerajaan turut memberikan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) sebanyak RM2,500 bagi bantuan golongan miskin dengan pendapatan RM2,500 dan ke bawah serta mempunyai lima orang anak.

Katanya, tambahan RM1,500 turut disalurkan jika mereka juga termasuk dalam kumpulan eKasih (seliaan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri).

Kerajaan juga, kata beliau menyediakan latihan termasuk latihan perniagaan bagi membolehkan mereka berdikari agar mereka tidak terlalu bergantung kepada bantuan kewangan.

"Kumpulan ini perlu diberi latihan terdahulu kemudian barulah mereka boleh bermiaga. Kalau mereka berpaut dengan bantuan-bantuan yang ada, sampai bila mereka boleh keluar dari kemiskinan tegar. Mereka perlu dilatih dan menjadi usahawan kecil," katanya.

Ahmad berkata kerajaan menyediakan RM900 juta untuk melatih penjaja dan peniaga kecil melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) dan RM330 juta oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Dilaporkan, bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar berdaftar telah berkurangan daripada 124,744 kepada 118,217 orang bagi tempoh 15 Dis 2022 hingga 15 Mei lepas, manakala menurut data eKasih, KIR miskin berdaftar pula berkurang daripada 304,911 kepada 299,080 KIR dalam tempoh yang sama.